

Headline	KASIH SAYANG TANPA SEMPADAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	30 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	30	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	710 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 27,863
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,589



KASIH SAYANG TANPA SEMPADAN

■ **Norlina bijak rancang masa depan anak anugerah dengan didik mereka dalam ilmu keusahawanan**

Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

“Dunia akan sujud kepada kita seandainya akhirnya menjadi matlamat hidup.”

Azimat dipegang peneraju Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (PERNIM) dan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNAB) dalam meneruskan jihadnya menyebarkan kasih sayang antara insan tanpa sempadan.

Dikenali dengan usaha murni memperjuangkan kehidupan anak kurang bernasib baik, Norlina Alawi bijak merancang masa depan buat anak anugerahnya.

“Memiliki 47 anak dalam keluarga besar ini, pastinya kami memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

“Selain rezeki dikongsi masyarakat, saya perlu melakukan sesuatu untuk membantu anak pada masa depan dan manfaat ini seharusnya berterusan.

“Saya melihat dunia perniagaan adalah jalan terbaik, jadi saya dan suami mula mendidik anak kami mengenai keusahawanan.

“Kita memiliki perniagaan katering yang saya usahakan sejak 1997 kini dipertanggungjawabkan kepada anak anugerah.

“Jika dulu, kita aktif

menyediakan makanan untuk projek fileman, namun kini saya lebih menumpukan projek katering di rumah sendiri.

“Ini bererti sekiranya pihak korporat ingin mengadakan program

tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama anak-anak saya, mereka boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan,” kata wanita yang mesra membahaskan dirinya dengan gelaran, mama.

Selain itu, wanita berusia 46 tahun ini turut melahirkan inspirasi menjual jubah eksklusif dari Dubai yang diusahakan anak sulungnya, di bawah label Jubah Norlina, beroperasi di Jakel Mall sejak 2011.

Turut memiliki lesen kontraktor kelas F, wanita ini boleh berbangga apabila anak keduanya menunjukkan potensi dalam bidang berkenaan sekali gus mempelbagaikan sektor keusahawanan bagi keluarga besar ini. Tidak cukup dengan itu, Norlina menceburi bidang kecantikan dan tampil dengan produk kecantikan wanita, Norlina Secret Beauty.

“Ini antara usaha yang kita lakukan untuk memastikan anak akan

memiliki kerjaya sendiri terutamanya perniagaan. Saya tidak mahu masyarakat memandang rendah terhadap anak-anak saya.

“Saya melihat potensi perniagaan lebih besar kerana kita dapat membantu keluarga dengan lebih mudah dan menyeluruh berbanding makan gaji yang hanya mampu menampung diri sendiri.”

“Kita juga memperkenalkan konsep ‘mentor mentee’ untuk membentuk peribadi dan menetapkan hala tuju anak dalam perniagaan.

“Konsep ini membolehkan ibu bapa dan anak, kakak dan adik mahupun abang dan adik berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman usahawan antara mereka,” jelasnya.

Mengorek pembabitan wanita berasal dari selatan tanah air ini dalam aktiviti kemanusiaan dan kebajikan, pertemuan dengan pesakit HIV wanita yang mengandungi membuatkan Norlina terpanggil untuk membantunya sekitar 2001.

Apabila wanita berkenaan melahirkan bayi lelaki, Norlina bertanggungjawab untuk menjaga dan mengasuh bayi yang disahkan bebas AIDS meskipun ketika itu, dia

sudah memiliki lima cahaya mata.

Norlina kemudiannya menambah dua lagi anak angkat seterusnya menubuhkan PERNIM pada 2004 bagi memperjuangkan anak pesakit HIV yang memerlukan perlindungan.

“Bukan semua bayi pesakit HIV disahkan pembawa virus ini. Jika kita tidak memberi peluang kepada anak ini hidup seperti anak di luar sana, bagaimanakah nasib mereka nanti?”

“Memegang konsep cinta tanpa sempadan, saya ingin menyebarkan rasa cinta terhadap Allah SWT menerusi penzahiran kasih sayang kepada anak anugerah ini.

“Semua anak dipanggil dengan gelaran anak anugerah kerana saya ingin menaikkan martabat dan menjaga aib mereka.

“Di bawah bumbung sama, saya dan suami bukan saja menjaga anak pesakit HIV, ada antara mereka adalah anak yatim, anak terbiar dan anak bukan warganegara.

“Di bawah KBNAB dan PERNIM, saya kini mempunyai 41 orang anak anugerah dan 34 daripada mereka memiliki status anak angkat sah.

Headline	KASIH SAYANG TANPA SEMPADAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	30 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	30	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	710 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 27,863
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,589



Headline	KASIH SAYANG TANPA SEMPADAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	30 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	30	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	710 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 27,863
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,589

